

**HUBUNGAN ANTARA SPIRITAL,
PENGAMBILAN PERSPEKTIF SOSIAL DAN
KEPEMIMPINAN BERTANGGUNGJAWAB
DALAM KALANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR
DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL
MALAYSIA**

RAFIZUL BIN ROZLEE

**SARJANA SAINS
(PENGURUSAN SUMBER)**

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL
MALAYSIA**

2022

**HUBUNGAN ANTARA SPIRITUAL, PENGAMBILAN PERSPEKTIF
SOSIAL DAN KEPEMIMPINAN BERTANGGUNGJAWAB DALAM
KALANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR DI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

RAFIZUL BIN ROZLEE

**Tesis ini diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pertahanan
Nasional Malaysia sebagai syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Sains
(Pengurusan Sumber)**

Mac 2022

ABSTRAK

Dalam mempersiapkan para pelajar institusi pendidikan tinggi sebagai pemimpin masa hadapan, usaha membangunkan potensi agar mereka memiliki daya intelek dan spiritual yang seimbang perlu dilaksanakan. Dalam konteks Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), didapati masih berlaku kes-kes disiplin dalam kalangan pelajar walaupun dalam persekitaran kampus yang amat mementingkan aspek disiplin yang berkemungkinan dipengaruuh oleh aspek spiritual dan kepemimpinan diri pelajar. Justeru itu, kajian ini difokuskan kepada pelajar tahun akhir di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia untuk menentukan korelasi di antara tiga konstruk utama iaitu (1) Kekuatan Spiritual, (2) Pengambilan Perspektif Sosial (PPS) serta (3) Kepemimpinan Bertanggungjawab. Kajian ini meneliti pengaruh Kekuatan Spiritual terhadap Kepemimpinan Bertanggungjawab serta mengukur peranan Pengambilan Perspektif Sosial dalam hubungan antara Kekuatan Spiritual dan Kepemimpinan Bertanggungjawab. Berdasarkan tinjauan literatur juga, didapati bahawa Kekuatan Spiritual dalam Islam merangkumi tiga elemen utama iaitu (1) akidah, (2) ibadah dan (3) akhlak. Kaedah kuantitatif menerusi tinjauan literatur, kajian rintis dan borang soal selidik digunakan sebagai metodologi utama dalam pengumpulan data bagi kajian ini. Borang soal selidik melibatkan 210 responden dalam kalangan pelajar tahun akhir Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dianalisis menggunakan perisian IBM® SPSS® Versi 23.0 dan *Smart Partial Least Squares* (SmartPLS) Versi 3.3.3. Dapatan kajian bagi kerangka model kesan langsung mendapati bahawa kesemua elemen Kekuatan Spiritual mempunyai hubungan yang positif dengan Kepemimpinan Bertanggungjawab. Bagi kerangka model boleh ubah mencelah, PPS hanya bertindak sebagai boleh ubah mencelah separa dalam hubungan antara ibadah dan akhlak terhadap Kepemimpinan Bertanggungjawab, dan didapati tidak memberi kesan sebagai boleh ubah mencelah dalam hubungan antara akidah dengan Kepemimpinan Bertanggungjawab. Dapatan-dapatan ini sangat penting kerana ia membuktikan terdapatnya hubungan dan kesepadan yang kuat antara Kekuatan Spiritual dengan Kepemimpinan Bertanggungjawab. Ia sekaligus boleh dijadikan panduan kepada institusi pendidikan tinggi dalam membangunkan modul kepemimpinan pelajar yang menyeluruh dengan mengambil kira aspek Kekuatan Spiritual.

ABSTRACT

To prepare students of higher education institutions as future leaders, efforts to develop their potential need to account for the balance between the intellectual and spiritual. In National Defence University of Malaysia (NDUM), there are still disciplinary cases occur among students even in a campus environment that places great emphasis on disciplinary aspects that may be influenced by the spiritual aspects and self-leadership of students. This study focused on final year students at the NDUM to determine the correlation between the three primary constructs, namely (1) Spiritual Strength (SS), (2) Social Perspective Taking (SPT) and (3) Responsible Leadership (RL). This study examines the influence of Spiritual Strength on Responsible Leadership and measures the role of Social Perspective Taking in the relationship between Spiritual Strength and Responsible Leadership. Based on the literature from the Islamic thoughts point of view, Spiritual Strength could be grouped into three main elements; (1) faith, (2) worship and (3) morality. Quantitative methods through literature review, pilot study and questionnaire form were used as the primary methodology in data collection for this study. Questionnaires were distributed to 210 NDUM's final year students and analyzed using IBM® SPSS® Version 23.0 and Smart Partial Least Squares (SmartPLS) Version 3.3.3. The results suggest that all elements of Spiritual Strength have a positive relationship with Responsible Leadership. For the mediator variable model framework, Social Perspective Taking only acted as a partial mediator in the relationship between worship and morality of Responsible Leadership and was found to have no effect as a mediator in the relationship between faith and Responsible Leadership. These findings are very important because they prove that there is a strong relationship and correlation between Spiritual Strength and Responsible Leadership. It can also be a guide to higher education institutions in developing a comprehensive student leadership module by taking into account aspects of Spiritual Strength.

PENGHARGAAN

Segala puji dan puja hanya untuk Allah SWT, Pengusa seluas-luas lautan ilmu di langit dan di bumi. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para Anbia, dan pengikutnya yang setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, syukur atas keizinanNya, maka saya dapat menyiapkan projek kajian ini. Setinggi-tinggi terima kasih saya rakamkan kepada majikan saya UPNM, penyelia utama Lt Kol Prof. Madya Dr. Haji Noor Azmi bin Mohd Zainol (Bersara), penyelia bersama Lt Kol Dr. Mohammad Daud Haji Johari (Bersara) dan Lt Kol (Ustaz) Dr. Haji Daud Haji Mohamed Salleh (Bersara). Terima kasih atas segala bimbingan, tunjuk ajar, sokongan serta panduan dalam usaha saya menyiapkan projek kajian dan seterusnya menghasilkan tesis ini.

Teristimewa saya dedikasikan buat kedua ibu bapa, Encik Rozlee bin Mahmud dan Puan Zainon binti Ariffin, isteri tercinta Puan Nur Aziarany binti A Hamid, anakanda tersayang Muhammad Ali bin Rafizul serta seluruh ahli keluarga. Setinggi-tinggi penghargaan turut saya tujuhan kepada Naib Canselor ketiga UPNM, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Ts. Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin FCILT (Bersara) yang sentiasa memberikan dorongan dan inspirasi kepada saya. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga saya ucapkan kepada setiap individu yang terlibat dalam usaha mengumpul maklumat untuk dimuatkan dalam kajian ini. Sekian, terima kasih.

RAFIZUL BIN ROZLEE
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
KEM SUNGAI BESI

KELULUSAN

Jawatankuasa Peperiksaan telah bersidang pada **13 Ogos 2021** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Rafizul bin Rozlee ke atas tesis bertajuk '**Hubungan Antara Spiritual, Pengambilan Perspektif Sosial Dan Kepemimpinan Bertanggungjawab Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**'. Jawatankuasa ini memperakukan bahawa calon layak dianugerahkan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Sumber).

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan adalah seperti berikut:

Prof. Madya Ts. Dr. Ong Hai Liaw

Profesor Madya

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(Pengerusi)

Prof. Dr. Haji Hasan Al-Banna bin Mohamed

Profesor

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Dr. Siti Noormi binti Alias

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Luar)

KELULUSAN

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah memenuhi piawaian bagi tujuan penganugerahan Ijazah **Sarjana Sains (Pengurusan Sumber)**.

Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Lt Kol Prof. Madya Dr. Haji Noor Azmi bin Mohd Zainol (Bersara)

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia Utama)

Lt Kol Dr. Mohammad Daud bin Haji Johari (Bersara)

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia Bersama)

Lt Kol (Ustaz) Dr. Haji Daud bin Haji Mohamed Salleh (Bersara)

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia Bersama)

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

PENGESAHAN TESIS

Nama Penuh Pelajar : Rafizul bin Rozlee
Tarikh Lahir : 06 Oktober 1984
Tajuk : Hubungan Antara Spiritual, Pengambilan Perspektif Sosial Dan Kepemimpinan Bertanggungjawab Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Sesi Akademik : 2016/2017

Dengan ini saya mengaku bahawa karya tesis ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali petikan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya dengan sewajarnya.

Saya mengaku bahawa tesis ini diklasifikasikan sebagai:

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang dispesifikasi oleh organisasi kajian)*
- TERBUKA** Bersetuju bahawa tesis ini keseluruhannya diterbitkan secara terbuka dan atas talian.

Saya mengaku bahawa pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak-hak seperti berikut:

1. Tesis ini merupakan hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia berhak untuk membuat salinan untuk tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan berhak untuk membuat salinan tesis ini untuk tujuan perkongsian akademik.

Tandatangan

841006-12-5047

No Kad Pengenalan

Tandatangan Penyelia/ Dekan PPS/
Ketua Pustakawan

Nama Penyelia/ Dekan PPS/Ketua
Pustakawan

Tarikh :

Tarikh :

Nota: Sekiranya tesis ini diklasifikasikan sebagai SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada organisasi kajian menyatakan tempoh masa dan sebab diklasifikasikan sebagai SULIT atau TERHAD

KANDUNGAN

| | Halaman |
|--|---------|
| ABSTRAK | ii |
| ABSTRACT | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| KELULUSAN | v |
| KELULUSAN | viii |
| PENGESAHAN TESIS | ix |
| SENARAI JADUAL | xv |
| SENARAI RAJAH | xvi |
| SENARAI SINGKATAN | xvii |
| | |
| BAB 1 PENGENALAN | |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Organisasi Kajian | 8 |
| 1.3 Pernyataan Masalah Kajian | 11 |
| 1.4 Objektif Kajian | 20 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 20 |
| 1.6 Takrifan Operasional | 21 |
| 1.6.1 Kekuatan Spiritual | 21 |
| 1.6.1.1 Akidah | 22 |
| 1.6.1.2 Ibadah | 22 |
| 1.6.1.3 Akhlak | 22 |
| 1.6.2 Pengambilan Perspektif Sosial | 23 |
| 1.6.3 Kepemimpinan Bertanggungjawab | 23 |
| 1.6.3.1 Nilai Kepemimpinan Individu | 24 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 24 |
| 1.7.1 Kepentingan Kepada Teori | 26 |
| 1.7.2 Kepentingan Kepada Kaedah Penyelidikan | 27 |
| 1.7.3 Kepentingan Kepada Pengamal Sumber Manusia | 28 |
| 1.8 Organisasi Bab Kajian | 28 |
| 1.9 Kesimpulan Bab | 29 |
| | |
| BAB 2 TINJAUAN LITERATUR | |
| 2.1 Pendahuluan | 31 |
| 2.2 Takrif Konseptual Istilah | 31 |
| 2.2.1 Kepemimpinan Bertanggungjawab | 32 |
| 2.2.1.1 Nilai Kepemimpinan Individu | 34 |
| 2.2.2 Kekuatan Spiritual | 36 |
| 2.2.2.1 Kekuatan Spiritual Dari Perspektif Barat | 39 |
| 2.2.2.2 Kekuatan Spiritual Dari Perspektif Islam | 46 |
| 2.2.2.2.1 Akidah | 48 |
| 2.2.2.2.2 Ibadah | 49 |

| | | |
|---------|---|----|
| | 2.2.2.2.3 Akhlak | 51 |
| | 2.2.3 Pengambilan Perspektif Sosial | 51 |
| 2.3 | Hubungan Antara Elemen Kekuatan Spiritual Dengan Kepemimpinan Bertanggungjawab | 52 |
| 2.3.1 | Bukti Teoritikal yang Menyokong Hubungan antara elemen-elemen Kekuatan Spiritual dengan Kepemimpinan Bertanggungjawab | 54 |
| 2.3.1.1 | Teori Kepemimpinan Al-Ghazali (1987) | 55 |
| 2.3.1.2 | Model Perubahan Sosial Dalam Pembangunan Kepemimpinan (HERI- <i>University of California</i> , 1996) | 56 |
| 2.3.1.3 | Model Kajian Kepemimpinan Multi Institusi (<i>Loyola University</i> , 2010) | 57 |
| 2.3.2 | Bukti Empirikal yang Menyokong Hubungan antara elemen-elemen Kekuatan Spiritual dengan Kepemimpinan Bertanggungjawab | 58 |
| 2.3.2.1 | Hubungan antara elemen-elemen Kekuatan Spiritual Dengan Nilai Kepemimpinan individu | 58 |
| 2.4 | Hubungan Antara Kekuatan Spiritual, Pengambilan Perspektif Sosial Dengan Kepemimpinan Bertanggungjawab | 60 |
| 2.4.1 | Bukti Teoritikal yang Menyokong Hubungan antara elemen-elemen Kekuatan Spiritual, Pengambilan Perspektif Sosial Dengan Kepemimpinan Bertanggungjawab. | 60 |
| 2.4.1.1 | Teori Perkembangan Konstruktif oleh Kegan (1982) | 60 |
| 2.4.2 | Bukti Empirikal yang Menyokong Hubungan antara elemen-elemen Kekuatan Spiritual, Pengambilan Perspektif Sosial Dengan Kepemimpinan Bertanggungjawab | 61 |
| 2.4.2.1 | Hubungan antara elemen-elemen Kekuatan Spiritual, Pengambilan Perspektif Sosial dengan Nilai Kepemimpinan Individu | 61 |
| 2.5 | Kerangka Konseptual | 62 |
| 2.5.1 | Kerangka Konseptual Bagi Model Kesan Langsung | 62 |

| | | |
|--------------------------------|---|----|
| 2.5.2 | Kerangka Konseptual Bagi Model Pemboleh Ubah Mencelah | 63 |
| 2.6 | Hipotesis Kajian | 64 |
| 2.6.1 | Hipotesis Bagi Model Kesan Langsung | 64 |
| 2.6.2 | Hipotesis Bagi Model Pemboleh Ubah Mencelah | 64 |
| 2.7 | Kesimpulan Bab | 65 |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | | |
| 3.1 | Pendahuluan | 66 |
| 3.2 | Unit Analisis, Prosedur Persampelan Dan Populasi Sasaran | 66 |
| 3.3 | Reka Bentuk Kajian | 68 |
| 3.3.1 | Fasa 1: Kajian Rintis | 69 |
| 3.3.2 | Fasa 2: Kajian Sebenar | 71 |
| 3.3.3 | Etika Dalam Kajian | 72 |
| 3.3.4 | Proses Pembentukan Borang Soal Selidik | 73 |
| 3.4 | Proses Melaksanakan Kajian Sebenar | 78 |
| 3.4.1 | Proses Penganalisisan Data | 78 |
| 3.4.1.1 | Analisis Data Menggunakan IBM® SPSS® | 79 |
| 3.4.1.1.1 | Ujian Kenormalan Data | 79 |
| 3.4.1.1.2 | Analisis Konstruk | 80 |
| 3.4.1.1.3 | Analisis Korelasi Pearson dan Statistik Asas | 80 |
| 3.4.2 | Analisis Data Menggunakan Pakej <i>SmartPLS</i> Versi 3.3.3 | 81 |
| 3.4.2.1 | Analisis Model Pengukuran | 82 |
| 3.4.2.1.1 | Ujian Kesahan Konstruk Kajian | 83 |
| 3.4.2.1.1.1 | Ujian Kesahan Konvergen | 83 |
| 3.4.2.1.1.2 | Ujian Kesahan Diskriminan | 84 |
| 3.4.2.1.1.2.1 | Ujian Pemberat Silang | 84 |
| 3.4.2.1.1.2.2 | Ujian <i>Heterotrait-Monotrait Ratio</i> (HTMT) | 84 |
| 3.4.2.1.2 | Ujian Kebolehpercayaan Konstruk Kajian | 85 |

| | | | |
|---------|---------------------------|---|-----|
| | 3.4.2.1.2.1 | Ujian Keboleh percayaan Item | 85 |
| | 3.4.2.1.2.2 | Ujian Keboleh percayaan Komposit dan <i>Alpha Cronbach</i> | 85 |
| 3.4.2.2 | Analisis Model Struktural | | 86 |
| | 3.4.2.2.1 | Anggaran <i>Path Coefficient</i> | 86 |
| | 3.4.2.2.2 | Menilai Tahap R^2 | 86 |
| | 3.4.2.2.3 | Menilai Saiz kesan f^2 | 87 |
| | 3.4.2.2.4 | Menilai Relevansi Predektif Q^2 dan Saiz Kesan q^2 . | 87 |
| 3.5 | Pengujian Hipotesis | | 88 |
| | 3.5.1 | Pengujian Hipotesis Model Kesan Langsung | 88 |
| | 3.5.2 | Pengujian Hipotesis Model Pemboleh Ubah Mencelah | 89 |
| 3.6 | Kajian Rintis | | 91 |
| | 3.6.1 | Ujian Kesahan Instrumen Kajian | 91 |
| | 3.6.2 | Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian | 92 |
| | 3.6.3 | Hasil Keputusan Kajian Rintis Berdasarkan Perbincangan Formal | 93 |
| 3.7 | Kajian Sebenar | | 95 |
| | 3.7.1 | Penapisan Data | 95 |
| | 3.7.2 | Model Persamaan Struktural | 96 |
| | 3.7.2.1 | Model Struktural | 96 |
| | 3.7.2.1.1 | Model Struktural Kesan Langsung | 96 |
| | 3.7.2.1.2 | Model Struktural Pemboleh Ubah Mencalah | 97 |
| | 3.7.3.2 | Model Pengukuran | 97 |
| | 3.7.3.2.1 | Model Pengukuran Konstruk Akidah | 97 |
| | 3.7.3.2.2 | Model Pengukuran Konstruk Ibadah | 98 |
| | 3.7.3.2.3 | Model Pengukuran Konstruk Akhlak | 100 |
| | 3.7.3.2.4 | Model Pengukuran Konstruk Pengambilan Perspektif Sosial | 101 |
| | 3.7.3.2.5 | Model Pengukuran Konstruk Nilai Kepemimpinan Individu | 102 |

| | | |
|-------------|--|-----|
| 3.7.3 | Analisis Model Pengukuran | 103 |
| 3.7.3.1 | Dapatkan Ujian Kesahan Konstruk Kajian | 104 |
| 3.7.3.1.1 | Dapatkan Ujian Kesahan Konvergen | 104 |
| 3.7.3.1.2 | Dapatkan Ujian Kesahan Diskriminan | 105 |
| 3.7.3.1.2.1 | Dapatkan Ujian <i>Heterotrait-Monotrait Ratio</i> (HTMT) | 105 |
| 3.7.3.1.2.2 | Dapatkan Ujian Pemberat Silang | 106 |
| 3.7.3.2 | Dapatkan Ujian Kebolehpercayaan Konstruk Kajian | 107 |
| 3.7.3.2.1 | Dapatkan Ujian Kebolehpercayaan Item | 107 |
| 3.7.3.2.2 | Dapatkan Ujian Kebolehpercayaan Komposit dan <i>Alpha Cronbach</i> | 110 |
| 3.7.4 | Analisis Model Struktural | 111 |
| 3.7.4.1 | Anggaran <i>Path Coefficient</i> | 111 |
| 3.7.5 | Dapatkan Analisis Korelasi Pearson dan Ujian Statistik Deskriptif | 112 |
| 3.8 | Kesimpulan Bab | 113 |

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

| | | |
|-------|---|-----|
| 4.1 | Pendahuluan | 114 |
| 4.2 | Dapatkan Responden Kajian | 114 |
| 4.3 | Dapatkan Pengujian Model Kesan Langsung | 116 |
| 4.3.1 | Dapatkan Pengujian H1a | 118 |
| 4.3.2 | Dapatkan Pengujian H1b | 118 |
| 4.3.3 | Dapatkan Pengujian H1c | 119 |
| 4.4 | Dapatkan Pengujian Model Pemboleh Ubah Mencelah | 120 |
| 4.4.1 | Dapatkan Pengujian H2a | 121 |
| 4.4.2 | Dapatkan Pengujian H2b | 122 |
| 4.4.3 | Dapatkan Pengujian H2c | 123 |
| 4.5 | Perbincangan Kajian | 125 |
| 4.5.1 | Dapatkan Pengujian Model Kesan Langsung | 125 |
| 4.5.2 | Dapatkan Pengujian Model Pemboleh Ubah Mencelah | 126 |
| 4.6 | Kesimpulan Bab | 129 |

BAB 5 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.1 | Pendahuluan | 131 |
| 5.2 | Ringkasan Keseluruhan Kajian | 131 |
| 5.1.1 | Ringkasan Dapatan Tinjauan Literatur Dan Teoritikal | 133 |
| 5.1.2 | Ringkasan Dapatan Kajian Empirikal | 134 |
| 5.3 | Kesimpulan Kajian | 136 |
| 5.4 | Implikasi Kajian | 137 |
| 5.4.1 | Implikasi Terhadap Teori | 137 |
| 5.4.2 | Implikasi Terhadap Pemantapan Kaedah Penyelidikan | 138 |
| 5.4.3 | Implikasi Terhadap Pengamal Sumber Manusia | 139 |
| 5.5 | Limitasi Kajian | 140 |
| 5.6 | Cadangan Kajian Akan Datang | 141 |
| 5.7 | Penutup | 144 |

BIBLIOGRAFI

146

LAMPIRAN

165

BIODATA PENULIS**PENERBITAN**

SENARAI JADUAL

| NOMBOR JADUAL | TAJUK | HALAMAN |
|--------------------------|---|----------------|
| 1.1 | Kes Perlanggaran Disiplin oleh Pelajar UPNM | 12 |
| 2.1 | Takrifan Konsep Spiritual oleh Para Penyelidik Terdahulu | 41 |
| 2.2 | Deskripsi Pengambilan Perspektif Sosial oleh Para Pengkaji Terdahulu | 53 |
| 3.1 | Statistik Pelajar Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda UPNM yang Beragama Islam Sehingga Mei 2019 | 67 |
| 3.2 | Sumber Rujukan Bagi Pengadaptasian Dalam Pembentukan Borang Soal Selidik | 74 |
| 3.3 | Ringkasan Komponen Soal Selidik | 77 |
| 3.4 | Pengukuran Skala Bagi Soal Selidik | 78 |
| 3.5 | Dapatan Ujian Kebolehpercayaan Item Kajian Rintis | 92 |
| 3.6 | Responden Penyelidikan Rintis Berdasarkan Perbincangan Formal | 93 |
| 3.7 | Maklumat Penyelidikan Rintis Berpandukan Perbincangan Formal | 94 |
| 3.8 | Dapatan Ujian Kenormalan Data | 95 |
| 3.9 | Kenyataan-Kenyataan yang Menerangkan Maksud Setiap Item yang Berkaitan dengan Akidah | 98 |
| 3.10 | Kenyataan-Kenyataan yang Menerangkan Maksud Setiap Item yang Berkaitan dengan Ibadah | 99 |
| 3.11 | Kenyataan-Kenyataan yang Menerangkan Maksud Setiap Item yang Berkaitan dengan Akhlak | 100 |
| 3.12 | Kenyataan-Kenyataan yang Menerangkan Maksud Setiap Item yang Berkaitan dengan Pengambilan Perspektif Sosial | 101 |
| 3.13 | Kenyataan-Kenyataan yang Menerangkan Maksud Setiap Item yang Berkaitan dengan Nilai Kepemimpinan Individu | 103 |
| 3.14 | Nilai Purata Varian Diekstrak (AVE) | 105 |

| | | |
|------|--|-----|
| 3.15 | Dapatan Nilai <i>Heterotrait-Monotrait Ratio</i> (HTMT) | 105 |
| 3.16 | Dapatan Ujian Pemberat Silang | 106 |
| 3.17 | Nilai Pemberat antara Item dengan Konstruk | 108 |
| 3.18 | Kebolehpercayaan Komposit dan <i>Alpha Cronbach</i> | 110 |
| 3.19 | Anggaran <i>Path Coefficient</i> | 111 |
| 3.20 | Dapatan Ujian Statistik Deskriptif dan Analisa Korelasi Pearson | 112 |
| 4.1 | Ciri-ciri Responden dan Profil Sampel Kajian Sebenar | 115 |
| 4.2 | Ringkasan Dapatan Pengujian Hipotesis Model Kesan Langsung | 125 |
| 4.3 | Ringkasan Dapatan Pengujian Hipotesis Model Pemboleh Ubah Mencelah | 126 |

SENARAI RAJAH

| NOMBOR RAJAH | TAJUK | HALAMAN |
|-------------------------|---|----------------|
| 1.1 | Jumlah Graduan UPNM 2010-2021 | 10 |
| 2.1 | Teori Keperluan Maslow (Diperbaharui) | 45 |
| 2.2 | Model Kesan Langsung | 62 |
| 2.3 | Model Pemboleh Ubah Mencelah | 63 |
| 3.1 | Prosedur Analisis Pemboleh Ubah Mencelah | 90 |
| 3.2 | Model Struktural Kesan Langsung | 96 |
| 3.3 | Model Struktural Pemboleh Ubah Mencelah | 97 |
| 3.4 | Hubungan antara Item dan Akidah | 98 |
| 3.5 | Hubungan antara Item dan Ibadah | 99 |
| 3.6 | Hubungan antara Item dan Akhlak | 100 |
| 3.7 | Hubungan antara Item dan Pengambilan Perspektif Sosial | 101 |
| 3.8 | Hubungan antara Item dan Nilai Kepemimpinan Individu | 102 |
| 3.9 | Analisis Pengesahan Faktor | 104 |
| 4.1 | Hubungan antara Kekuatan Spiritual dengan Kepemimpinan Bertanggungjawab | 117 |
| 4.2 | Hasil Dapatan Ujian Hipotesis 1a | 118 |
| 4.3 | Hasil Dapatan Ujian Hipotesis 1b | 118 |
| 4.4 | Hasil Dapatan Ujian Hipotesis 1c | 119 |
| 4.5 | Hubungan antara Kekuatan Spiritual, Pengambilan Perspektif Sosial dengan Kepemimpinan Bertanggungjawab. | 120 |
| 4.6 | Hasil Dapatan Ujian Hipotesis 2a | 121 |
| 4.7 | Hasil Dapatan Ujian Hipotesis 2b | 122 |
| 4.8 | Hasil Dapatan Ujian Hipotesis 2c | 123 |
| 5.1 | Cadangan Kerangka Konseptual Kajian Akan Datang | 144 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|------------|--|
| ANCOVA | - <i>Analysis of Covariance</i> |
| ATM | - Angkatan Tentera Malaysia |
| ATMA | - Akademi Tentera Malaysia |
| BHEPA | - Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni |
| FSTP | - Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan |
| FKJ | - Fakulti Kejuruteraan |
| FPPP | - Fakulti Pengurusan dan Pengajian Pertahanan |
| FPKP | - Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan |
| HERI | - <i>Higher Education Research Institute</i> |
| HTMT | - <i>The Heterotrait-Monotrait Ratio of Correlations</i> |
| KPT | - Kementerian Pengajian Tinggi |
| NKI | - Nilai Kepemimpinan Individu |
| PALAPES | - Pasukan Latihan Pegawai Simpanan |
| PB | - Pusat Bahasa |
| PPS | - Pengambilan Perspektif Sosial |
| PwC | - <i>PricewaterhouseCoopers</i> |
| RL | - <i>Responsible Leadership</i> |
| SEM | - <i>Structural Equation Modelling</i> |
| SS | - <i>Spiritual Strength</i> |
| SmartPLS | <i>Smart Partial Least Squares</i> |
| SPT | - <i>Social Perspective-Taking</i> |
| IBM® SPSS® | - <i>IBM ® Statistical Packages for the Social Science</i> |
| UPNM | - Universiti Pertahanan Nasional Malaysia |
| UNGF | - <i>United Nation Global Forum</i> |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penyedia pendidikan tinggi memikul tanggungjawab besar dalam menyediakan golongan elit kepemimpinan intelektual muda sebagai sumber pelapis kepemimpinan negara. Kajian sarjana membuktikan bahawa pelajar dapat meningkatkan kebolehan kepemimpinan semasa berada di institusi pendidikan tinggi dan seterusnya dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan diri, penglibatan dalam masyarakat, pembangunan karakter dan peribadi, serta prestasi akademik (Dugan et al., 2014). Dalam hal ini juga, didapati bahawa kekuatan spiritual dan pengambilan perspektif sosial (PPS) adalah sangat penting sebagai komponen penting dalam mewujudkan kepemimpinan yang berkesan (Correia-Harker & Dugan, 2020). Pengabaian aspek kekuatan spiritual dan PPS dalam kajian kepemimpinan menyebabkan pemahaman terhadap lapisan kompleks dalam pembangunan kepemimpinan pelajar secara holistik tidak dapat diterokai dan dieksplorasi sepenuhnya (Love & Talbot, 1999; Nolan-Arañez & Ludvik, 2017).

Secara spesifiknya, literatur atau penerokaan ilmiah bersabit hubungan antara kekuatan spiritual dan PPS serta pengaruhnya terhadap kepemimpinan dalam kalangan pelajar perlu diperhalusi kerana faktor tersebut bakal mencorak tingkah laku, rasa tanggungjawab dan disiplin diri terhadap kepemimpinan serta organisasi.

Bab ini seterusnya akan mengupas dan membincangkan tentang aspek kekuatan spiritual, perspektif sosial dan kepemimpinan bertangungjawab serta halatuju kajian ini dengan penelitian yang merangkumi pengenalan kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, hipotesis kajian, takrifan istilah operasi yang digunakan dalam kajian, kepentingan kajian dan kesimpulan bab.

1.1.1 Kekuatan Spiritual

Dalam kajian ilmiah, teori kekuatan spiritual merupakan teori yang dipelopori oleh sarjana Barat iaitu konstruk teori ini dibina untuk memberi penyelesaian bagi menjawab persoalan tentang makna kewujudan dan kehidupan manusia. Spiritual ditakrifkan sebagai keupayaan, pendekatan, motivasi, usaha, dan pengalaman seseorang individu dalam mewujudkan makna dalam kehidupan mereka (Charoensukmongkol et al., 2015; Dugan, 2017).

Dari perspektif Islam, spiritual merupakan dimensi agama merangkumi teras akidah, ibadah dan akhlak seperti mana yang dijelaskan al-Qaradawi (2010). Hal ini juga selaras dengan Mohd Zahid (2019) yang mengistilahkan spiritual sebagai berorientasi hubungan dengan Allah SWT dan hubungan dengan manusia dengan menjadikan tauhid sebagai asas utama dalam pembangunan spiritual. Melihat dari sudut

perspektif psikologi Islam pula, setiap daripada manusia yang diciptakan oleh Allah SWT memiliki dua aspek yang saling melengkapi iaitu aspek spiritual dan jasmani (Md Sham et al., 2015; Sudi et al., 2017). Oleh itu, individu yang harmonis sejahtera seharusnya memiliki kedua-dua aspek spiritual dan jasmani yang seimbang Iskandar (2012) pula menyatakan bahawa spiritual dan agama dalam perspektif Islam merupakan dua entiti yang saling berkait dan tidak boleh dipisahkan. Menurut Asmawati (2007), konsep kekuatan spiritual dari perspektif Islam merangkumi tiga elemen asas pembangunan manusia iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Oleh demikian, seseorang individu Muslim perlu memenuhi dan melengkapkan diri dengan ketiga-tiga teras ini (Asmawati, 2007; Subaidi, (2017). Hal ini selanjutnya disokong oleh Achmadi (1992) bahawa penerapan ketiga-tiga teras spiritual Islam ini amat penting sebagai usaha memelihara dan mengembangkan fitrah manusia serta sumber daya insani untuk membentuk manusia sebagai insan sejahtera yang selari dengan norma Islam.

Pengamalan ketiga-tiga teras tersebut juga merupakan elemen penting dalam kesejahteraan hidup seorang Muslim yang dapat membawa kebaikan dalam urusan agama dan urusan dunia (Ismail et al., 2016; Mohd Zahid, 2019). Justeru, pengaji memfokuskan akidah, ibadah dan akhlak sebagai tiga teras kekuatan spiritual Islam sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian.

1.1.2 Pengambilan Perspektif Sosial

Davis (1983) menekankan peri pentingnya seseorang individu memiliki kebolehan dalam aspek pengambilan perspektif sosial (PPS) bagi mewujudkan perilaku non-egosentrik, iaitu keupayaan untuk melihat sesuatu perkara dengan tidak

berorientasi pada kepentingan sendiri semata-mata, sebaliknya hendaklah juga melihat kepada kepentingan orang lain. PPS atau dalam bahasa Inggerisnya ‘*social perspective-taking (SPT)*’ ditakrifkan sebagai keupayaan untuk menaakul sesuatu perkara dari sudut pandangan orang lain (Gehlbach et al., 2012). PPS merangkumi kedua-dua dimensi kognitif dan afektif yang membolehkan individu untuk menonjolkan sifat empati terhadap individu lain disamping mengekalkan keperibadian diri (Galinsky et al., 2005).

Para sarjana dalam bidang kajian kepemimpinan mendapati bahawa aspek PPS semakin diterima sebagai komponen penting dalam mewujudkan kepemimpinan bertanggungjawab (Marques et al., 2018; Wang et al., 2014; Avolio, 2010). Seperti yang dinyatakan oleh Dugan (2017), PPS merupakan salah satu faktor penting yang sewajarnya diambil berat dalam pembangunan kapasiti pelajar. Kemahiran PPS dikategorikan sebagai skil kognitif dan afektif yang kompleks. Oleh kerana faktor ini didapati relevan berdasarkan kajian sarjana terdahulu (Dugan, et al., 2014; Dugan, 2017) dan berupaya untuk berinteraksi dengan aspek kekuatan spiritual, maka pengkaji memasukkan ia sebagai pemboleh ubah mencelah dalam kajian yang dicadangkan ini.

1.1.3 Kepemimpinan Bertanggungjawab

Menurut Kellerman (2012), terdapat hampir 1,500 definisi kepemimpinan dan hampir 40 teori berkaitan dengannya. Salah satu definisi kepemimpinan yang popular dan sering digunakan secara meluas datangnya daripada Northouse (2013), “*is a process whereby an individual influences a group of individuals to achieve a common goal.*” [“...ialah proses seorang individu mempengaruhi sekelompok individu untuk

mencapai tujuan bersama.”] Kepemimpinan ialah satu fasa atau proses, bukan merujuk kepada jawatan dan bukan juga merujuk kepada individu (Northouse, 2013; Ford et al., 2021). Kepemimpinan secara ringkasnya merangkumi empat aspek iaitu; kepemimpinan adalah satu fasa atau proses; (2) kepemimpinan melibatkan daya wibawa atau pengaruh; (3) kepemimpinan terdapat dalam suatu kelompok; (4) kepemimpinan melibatkan hala tuju dan matlamat sepunya (Northouse, 2013; Lacerda, 2015).

Berdasarkan tinjauan literatur berkaitan pembangunan kepemimpinan serta model-model pembangunan kepemimpinan oleh Noor Azmi et al., (2017), beliau mendapati kebanyakannya didominasi pemikiran berteraskan perspektif Barat. Pernyataan ini konsisten dengan dapatan oleh Yeganeh dan Su (2008) menerusi kajian mereka yang mendapati hasil kajian kepemimpinan hanya tertumpu kepada budaya Barat terutamanya Amerika Syarikat dan Eropah. Menurut beliau lagi, sungguhpun terdapat beberapa sarjana Islam yang membincangkan hal ini, namun kebanyakannya lebih mengutarakan pandangan mereka secara huraihan konseptual tanpa membangunkan sebuah model yang boleh mengukur keberkesanan kepemimpinan bertanggungjawab dalam konteks Islam.

Dari perspektif Islam, sarjana terdahulu bersetuju bahawa sebahagian besar dimensi kepemimpinan Islam diperoleh dan dipandu menerusi sumber al-Quran dan al-Sunnah (Naji et al., 2014; Mahazan et al., 2015). Model Kepemimpinan Bertanggungjawab secara sosial telah dibangunkan oleh sarjana Barat untuk menilai kaedah dan cara kerja yang berkesan dengan memfokuskan aspek kerjasama demi kebaikan masyarakat (Hogendorp, 2012; Dugan et al., 2014). Menurut Waldman dan

Galvin (2008), penentuan parameter kepemimpinan bertanggungjawab dalam tahap strategik menunjukkan aspek tanggungjawab boleh menjadi aspek utama yang mencerminkan keberkesanan seorang pemimpin.

Dalam aspek kepemimpinan perniagaan dan korporat yang lebih generik, kemunculan model Kepemimpinan Bertanggungjawab dilihat semakin mendapat tempat dalam kajian kepemimpinan berikutan pelbagai skandal dunia korporat yang menyaksikan pemimpin perniagaan mengaut kekayaan dengan cara yang tidak telus dan telah mencetuskan perselisihan yang menyebabkan terhakisnya kepercayaan orang ramai terhadap mereka (Flocy, 2019). Hal ini mencetuskan persoalan kepada para sarjana dan pengamal sumber manusia yang mula mempersoalkan tentang model pembinaan kepemimpinan yang paling sesuai untuk menangani jenayah kolar putih yang dilakukan oleh pemimpin dari akar umbinya.

Sebagai contoh, skandal kepemimpinan yang mengejutkan khususnya kepada dunia perniagaan dan sektor korporat termasuklah skandal penyelewengan kewangan (Syarikat *Lehman Brothers*), pelanggaran hak asasi manusia (Syarikat *Nike*), amalan pengurusan tidak beretika (*The Federation Internationale de Football Association*-FIFA), kerosakan alam sekitar (Tumpahan Minyak di Deepwater Horizon, Teluk Mexico) dan skandal kawalan emisi (*emission control*) oleh Volkswagen (Spitzeck, & Lins, 2018; Flocy, 2019). Oleh demikian, kajian ini memfokuskan penelitian terhadap aspek kepemimpinan bertanggungjawab sebagai pemboleh ubah bersandar bagi meneliti kepentingan dan korelasinya dalam mewujudkan pemimpin yang memiliki sifat tanggungjawab.

1.1.4 Pembangunan Spiritual Dan Kepemimpinan Dalam Kalangan Pelajar

Pembangunan spiritual merupakan satu elemen yang dititik beratkan selari dengan proses pengajaran dan pembelajaran di UPNM. Ia merangkumi proses tarbiah meliputi jasad, akal, dan jiwa secara berterusan bagi melahir dan membangunkan potensi menyeluruh serta seimbang dalam diri seseorang individu dari aspek spiritual, fizikal, emosi, dan intelektual dengan berasaskan keyakinan dan kepatuhan kepada Tuhan (Zulkifli, 2018; Mohd Zahid, 2019). Kesinambungan tersebut diteruskan lagi melalui pelbagai siri pembelajaran formal dan tidak formal setelah pelajar bergelar graduan dan melangkah ke alam pekerjaan sebagai seorang professional (Zulkifli, 2018).

Pemerkasaan pembangunan holistik pelajar merupakan agenda utama UPNM. Hal ini adalah bagi mempersiapkan diri seorang pelajar untuk bergelar graduan cendekiawan berketerampilan dan memiliki sifat kepemimpinan terpuji yang mampu membawa perubahan kepada organisasi dan masyarakat. Program ini termasuk dalam aspek akademik, sahsiah, kepemimpinan, sukan, kesukarelawanan, keusahawanan melalui pelbagai program yang dirangka khusus (Zulkifli, 2018). Melalui penglibatan pelajar dalam program-program khusus tersebut, mereka dilatih untuk menganjurkan pelbagai aktiviti berpasukan yang mana secara tidak langsung membentuk elemen kualiti kepemimpinan (Rozlee, 2019).

Dari segi keyakinan diri, latihan kepemimpinan dan juga aspek pembangunan karakter turut dimasukkan dalam silibus sebagai salah satu teras demi menyediakan para pelajar untuk menjadi ketua yang berkaliber apabila memasuki alam kerjaya.